

| | | |
|-------------|-------------|------------------|
| Accepted | Reviewed | e-Journal Upload |
| 07 APR 2022 | 18 OCT 2022 | 29 NOV 2022 |

Ciri-Ciri Pasangan Idaman Dalam Hikayat Isma Yatim

The Characteristics Of An Ideal Partner In The Story Of Isma Yatim

Ayu Nor Azilah Mohamad¹, Wayu Nor Asikin Mohamad²

ABSTRAK

Makalah ini memfokuskan perbincangan kepada ciri-ciri pasangan idaman yang terdapat dalam Hikayat Isma Yatim. Aspek perbincangan menjurus kepada sikap lelaki yang disukai oleh seorang perempuan dan tingkahlaku seorang perempuan yang disukai oleh seorang lelaki yang terdapat dalam hikayat ini. Kedua-dua perkara ini dibincangkan oleh watak Isma Yatim dalam hikayat ini atas permintaan Baginda Sultan. Menurut Isma Yatim, terdapat sepuluh perkara yang ada pada seorang lelaki akan disukai oleh seorang perempuan. Akan tetapi Isma Yatim hanya menyatakan lima perkara sahaja. Lima perkara lagi tiada penghuraian lanjut demi memelihara nama baik seorang lelaki. Malah menurut Isma Yatim, lima perkara lagi Baginda Sultan lebih mengetahuinya. Manakala bagi seorang perempuan pula, terdapat enam syarat yang boleh dijadikan panduan dalam mencari calon suami. Objektif kajian ini akan mengupas lebih lanjut tentang kriteria seorang lelaki yang disukai oleh seorang perempuan dan ciri-ciri idaman yang terdapat pada seorang perempuan yang disukai seorang lelaki. Kupasan ini akan menggunakan kaedah metodologi filologi konvensional. Nasihat Isma Yatim ini bermatlamatkan memberi pengajaran kepada pembaca Hikayat Isma Yatim dalam mencari pasangan hidup berumah tangga agar tidak tersalah memilih calon suami atau isteri.

Kata kunci: Pasangan, Idaman, Isma Yatim, Hikayat Isma Yatim.

ABSTRACT

This paper discusses on the characteristics of an ideal partner found in Hikayat Isma Yatim. The discussion focuses on the qualities of a man preferred by a woman and vice versa. Both of these matters are discussed by the character of Isma Yatim in this hikayat as requested by His Majesty the Sultan. According to Isma Yatim, there are ten qualities in men that women find attractive. But he only stated five. In order to preserve a man's good name, the other five qualities have been disclosed. In fact, according to Isma Yatim, the Sultan knows better about it. While for women, there are six guidelines that can be used in finding a husband. The objective of this study is to explore further about the criteria women look for in a man and the ideal characteristics in women that a man like. This dissection will use conventional philological methodologies. Isma Yatim's advice aims to teach the readers of Hikayat Isma Yatim in finding a life partner so that they do not made a wrong choice.

Keywords: Couple, Idaman, Isma Yatim, Hikayat Isma Yatim

¹ Ayu Nor Azilah Mohamad. Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan. Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. ayunorazilah@kuis.edu.my.

² Wayu Nor Asikin Mohamad. Jabatan Pengajian Bahasa. Kolej Universiti Bestari, Terengganu. wayu@ucbestari.edu.my

Pendahuluan

Dalam pengkajian kesusasteraan Melayu tradisional, khususnya dalam dalam bidang pengkajian manuskrip atau bidang yang lebih dikenali sebagai filologi, kita terdedah kepada pelbagai jenis teks, dalam bentuk prosa dan puisi; pelbagai genre atau kelompok; berbagai-bagai naskhah atau judul yang mempunyai banyak salinan atau versi kerana disalin di tempat yang berbeza. Malah disalin oleh penyalin yang pastinya berlainan atau pelbagai faktor dan tersimpan di tempat berasingan, oleh sultan, oleh para pembesar, rakyat biasa ataupun orang asing. Terdapat berbagai-bagai naskhah dan judul yang hanya terdiri daripada satu naskhah, satu Salinan atau satu versi sahaja (Siti Hawa Haji Salleh, 2010).

Hikayat Asma Yatim merupakan salah satu daripada kesusasteraan bahasa Melayu yang ditulis pada masa dahulu sekitar 1886. Pengarangnya tidak diketahui. Ini adalah antara yang masih terselamat sehingga kini (https://ms.wikipedia.org/wiki/Hikayat_Asma_Yatim). Teks *Hikayat Isma Yatim* yang menjadi fokus perbincangan makalah ini tertera nama Ismael sebagai pengarang yang dihasilkan pada tahun 1881. Penetapan ini setelah dianalisis menggunakan kaedah filologi konvensional (Ayu Nor Azilah Mohamad, 2003). Hikayat Isma Yatim mempunyai bentuk gaya jalan bahasa kesusasteraan Parsi-Arab dan boleh dikatakan tidak lagi terpengaruh oleh corak kesusasteraan Hindu-Jawa. Kandungan Hikayat Isma Yatim ini menunjukkan bahawa ia merupakan kesusteraan istana, yang bertujuan untuk bacaan golongan istana, kerana jalan ceritanya banyak membayangkan hal ehwal penghidupan di dalam istana, demikian juga menceritakan sifat-sifat kebijaksanaan seseorang pegawai serta kebaktian dan taat setia kepada raja. Dari sebab itu, hikayat ini bolehlah juga dijadikan sebagai suatu contoh bagi merupakan bagaimana keadaan bentuk coraknya hasil-hasil sastera ciptaan zaman Kerajaan Melayu Melaka yang memberi penekanan kepada sifat-sifat kebijaksanaan seseorang pegawai serta kebaktian dan taat setia kepada raja (https://ms.wikipedia.org/wiki/Hikayat_Isma_Yatim). Kupasan makalah ini adalah atas permintaan baginda Sultan dan perbincangan antara para dayang dalam istana. Peristiwa ini berlaku di dalam kawasan istana.

Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. *Hikayat Isma Yatim* dianalisis menggunakan kaedah filologi konvensional. Metodologi ini bersesuaian dengan teks Hikayat Isma Yatim yang tergolong dalam teks Melayu tradisional. Apabila dibuat pilihan untuk mengkaji teks, apa yang penting dilakukan seorang pengkaji ditetapkan oleh teks atau isi naskhah itu sendiri. Dalam bidang pengkajian ilmiah, hasil sastera tradisional yang dimaksudkan sering disebut secara umum sebagai manuskrip, naskhah dan teks walaupun daripada segi ilmiah itu membawa makna yang berbeza serta tertumpu kepada sesuatu hal tertentu. Ilmu filologi bukan ilmu sastera tetapi satu-satunya ilmu yang menyediakan metodologi dan langkah-langkah pendekatan yang teruji serta sesuai untuk mengkaji hasil sastera tradisional. Dalamnya terangkum kedua-dua metodologi konvensional yang memberi perhatian kepada isi sesuatu teks secara dalaman (intrinsik) dan pendekatan-pendekatan moden yang mementingkan masyarakat, perkembangan sejarah, kebudayaan dan sebagainya yang dianggap sebagai soal-soal luaran (ekstrinsik) (Siti Hawa Haji Salleh, 1999).

Filologi berasal dari kata Yunani iaitu philos yang bererti 'cinta' dan kata logos yang bererti 'kata'. Pada perkataan filologi, kedua kata tersebut membentuk erti 'cinta kata' atau

‘senang bertutur’. Maksud ini berkembang menjadi ‘senang belajar’, ‘senang ilmu’ dan ‘senang kesusasteraan’ atau ‘senang kebudayaan.’ Filologi telah digunakan sejak abad ke-3 S.M. oleh sekelompok ahli dari Aleksandria yang kemudian dikenal sebagai filologi. Eratot henes menjadi orang yang pertama menggunakan kaedah ini. Ketika itu mereka berusaha mengkaji teks-teks lama yang berasal dari bahasa Yunani. Pengkajian mereka terhadap teks-teks tersebut bertujuan menemukan bentuknya yang asli untuk mengetahui maksud pengarangnya dengan cara menyisihkan kesalahan-kesalahan yang terdapat di dalamnya. Pada masa itu, mereka menghadapi teks dalam sejumlah naskhah yang masing-masing menunjukkan bacaan yang berbeza (varian) bahkan ada yang menunjukkan bacaan yang rosak (korup).

Kegiatan pengkajian teks ternyata telah menumbuhkan kesedaran bahawa untuk mengetahui bentuk teks yang asli, mereka perlu meneliti naskhah-naskhah itu untuk mendapatkan naskhah yang mendekati teks yang asli dan naskhah yang menyimpang. Ekoran kegiatan itu pula dapat disedari pentingnya pengkajian secara mendalam terhadap bahasa dan kebudayaan yang melatarbelakangnya. Kegiatan filologi yang menitikberatkan penelitiannya kepada bacaan yang rosak ini kemudian disebut filologi tradisional (Siti Baroroh Baried et.al, 1985).

Terdapat tujuan umum dan khusus filologi. Tujuan umum filologi ialah: i) memahami sejauh mungkin kebudayaan suatu bangsa melalui hasil sasteranya sama ada secara lisan mahupun tulisan; ii) memahami makna dan fungsi teks bagi masyarakat penciptanya; iii) mengungkap nilai-nilai budaya lama sebagai alternatif pengembangan kebudayaan. Bagi tujuan khusus filologi pula: i) menyunting sebuah teks yang dipandang mendekati teks aslinya; ii) mengungkap sejarah terjadinya teks dan sejarah perkembangannya; iii) mengungkap resepsi pembaca pada setiap kurun penerimaannya (Trie Utari Dewi, 2018). Dengan melakukan kegiatan filologi melalui pelestarian dan penggarapan terhadap naskhah-naskhah kuno, maka akan terungkap nilai-nilai yang terkandung di dalam naskhah sehingga akan terungkap pula sejarah bangsa.

Objektif Kajian

Objektif kajian makalah ini ialah untuk mengkaji ciri-ciri pasangan idaman yang terdapat dalam *Hikayat Isma Yatim*. Ciri-ciri pasangan itu berkaitan dengan peribadi seorang lelaki yang disukai seorang perempuan dan kriteria seorang perempuan yang disukai oleh seorang lelaki. Syarat-syarat ini bagi memenuhi kehendak seorang lelaki atau seorang perempuan dalam memilih pasangan untuk hidup berumahtangga.

Resensi Kepustakaan

Teks *Hikayat Isma Yatim* telah dikaji dalam bentuk Latihan Ilmiah oleh Hashim bin Jasa dan Mohd Rashid bin Md. Noor dari Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya pada tahun 1966 dan 1967. Namun, rujukan terhadap Latihan Ilmiah itu tidak dapat ditemui kerana tidak terdapat dalam simpanan pihak Perpustakaan Za’ba, Universiti Malaya. Menurut Siti Hawa Haji Salleh, kedua-dua kajian tersebut menggunakan dua mikrofilem yang asalnya daripada koleksi di London. Didapati ceritanya tidak selesai. Kajiannya juga tidak menghurai atau mengupas isi hikayat ini (Siti Hawa Haji Salleh, 1987).

Terdapat satu makalah yang ditulis oleh Jelani Harun “bertajuk Manuskrip ‘Panthong’ dari Sri Lanka.” Isi perbincangan artikel ini tentang pantun Melayu yang tersebar di Sri Lanka secara tulisan, iaitu melalui khazanah manuskrip. Antara manuskrip Melayu yang disebut ialah *Hikayat Isma Yatim* yang disalin oleh Muhammad Yusuf Jailani Jurangppati pada 1881 di Kandi dan sebuah lagi disalin oleh Kapitan Salimuddin pada 1871 di Kampung Kertel, Kolombo. Dinyatakan bahawa hikayat ini mempunyai berpuluh pantun Melayu. Sebilangan kecil daripada salinan manuskrip Melayu yang berasal dari Sri Lanka telah berjaya dikumpul dan disimpan di Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur. Akan tetapi kupasan dan contoh pantun yang dikemukakan dalam artikel ini diambil dari hikayat lain dan tidak diambil dari *Hikayat Isma Yatim*. Sekadar diberikan contoh manuskrip yang mempunyai pantun yang banyak (Jelani Harun. <http://pantun.usm.my>)

Terdapat kajian tentang *Hikayat Isma Yatim* yang dikaji dan diperkenalkan oleh Muhammad Haji Salleh yang diterbitkan oleh Yayasan Karyawan, Kuala Lumpur pada tahun 2017. Naskhah yang digunakan oleh Muhammad Haji Salleh untuk ditransliterasi dan membuat kajian ialah naskhah yang tersimpan di Muzium Terengganu, Kuala Terengganu (f 82. 363 (1)). Menurut beliau lagi, naskhah ini diperoleh daripada koleksi Tengku Ampuan Mariam, isteri kepada Sultan Sulaiman, Sultan Terengganu (1920-1942), pada tahun 1982 (Muhammad Haji Salleh, 2017: xviii).

Berdasarkan kepada resensi keputakaan, didapati tiada satu artikel yang mengupas tentang ciri-ciri pasangan idaman yang terdapat dalam *Hikayat Isma Yatim*. Lantas, timbul inisiatif untuk menghasilkan makalah yang menghuraikan tentang ciri-ciri yang perlu ada pada seorang lelaki yang disukai oleh seorang perempuan dan sebaliknya iaitu kriteria yang perlu ada pada diri seorang perempuan yang disukai oleh seorang lelaki dalam hikayat ini secara mendalam. Ini bagi menampung dan menambahkan kelompangan daripada kajian-kajian lepas.

Sorotan Hikayat Isma Yatim

Hikayat Isma Yatim merupakan satu manuskrip klasik yang terdapat dalam senarai Isaac de Saint Martin (1696) dan Werndly (1736). Karya ini diterbitkan oleh P.P. Roorda van Eysinga di Jakarta pada tahun 1825. Dalam terbitan ini terdapat halaman judul dalam Bahasa Melayu: *Hhikajat Ismayatiem, ia ietoe, sjarth segala radja-radja, dan mantrie, dan hoeloebalang dan sekaliennja; Terkarang oleh Ismael, Adapon deperiksaie dan disahkan perkara, jang salah dalamnya, oleh Roorda van Eysinga.*

Oleh sebab karya-karya ini termasuk dalam genre kesusasteraan hikayat pada umumnya tidak mengemukakan nama pengarang, disangsikan kenyataan ini, terutama bagi karya-karya kurun ke-17 atau sebelumnya. Naskhah yang tertua karya ini adalah naskhah yang tersimpan di John Rylands University dengan panggilan Malay 3, yang disalin untuk Francois Valentijn. Naskhah ini diagak disalin pada kira-kira tahun 1700 (M.C. Ricklefs dan P. Voorhoeve, 1977: 151)

Dalam naskhah ini tidak disebut nama pengarang. Pada kurun ke-19, banyak naskhah Melayu disalin untuk kegunaan pengkaji Eropah atau pemerintah Belanda dan jika seseorang pengarang menyatakan namanya pada zaman tersebut bukanlah dengan *Ismael* sahaja. Berkemungkinan cenderung menganggap *Ismael* ini sebagai seorang penyalin yang telah menyalin satu versi hikayat ini.

Naskah *Hikayat Isma Yatim* terdapat di Jakarta, Leiden dan London. Hikayat ini pernah dicetak sebanyak dua kali iaitu di Jakarta pada tahun 1821 oleh P.P. Roorda van Eysinga dan di Singapura pada tahun 1921. Cetakan Singapura itu dicap bagi kanak-kanak yang belajar bahasa Melayu. Di Great Britain sahaja terdapat sekurang-kurangnya sepuluh versi Hikayat Isma Yatim yang disalin oleh pengumpul-pengumpul manuskrip Melayu seperti Anderson, Crawford, Johd Leyden, Marsden dan Valentijn. Penyalinan hikayat ini berlaku seawal-awalnya antara tahun 1676 hingga 1718 hingga tahun 1849. Di Leiden, terdapat lima salinan dan di Jakarta sebanyak empat salinan lagi. Antara 10 versi yang disebutkan oleh Ricklefs dan Voorhoeve itu hanya beberapa versi sahaja yang lengkap ceritanya kerana bahagian akhirnya tertinggal. Wernedly dalam tahun 1736, ada menyebut teks ini ada dalam senarainya. Yang terawal menyebutnya ialah Valentijn dalam tahun 1726. (R.O. Winstedt, 1969). William Marsden dan Roorda van Eysinga apabila membuat kesimpulan tentang hikayat ini hanya melihatnya daripada satu sudut sahaja dan dengan itu hanya memperlihat satu aspek sahaja daripada isinya. Dalam tahun 1827, Marsden menyimpulkan hikayat ini sebagai “suatu cerita romantik”. Manakala van Eysinga pula menyatakan hikayat ini ialah “syarat segala raja-raja dan menteri dan hulubalang dan sekaliannya” (Ricklefs & Voorhoeve, 1997).

Dalam naskah *Hikayat Isma Yatim*, terdapat peribahasa yang bukan Melayu. Karya ini juga terdapat dalam bahasa Bugis. Mukadimah karya ini serupa dengan yang terdapat dalam karya-karya Parsi. Sepertimana yang pernah ditegaskan oleh Winstedt bahawa kesusasteraan Melayu yang terdahulu mengalami pengaruh Hindu dan Jawa, sekarang jatuh pada tangan penterjemah serta penyadur karya-karya Parsi dan Arab (Winstedt R.O. 1969). Selanjutnya karya ini terbahagi kepada bab-bab dengan judul menyerupai *Hikayat Amir Hamzah* dan *Sejarah Melayu*, yang disadur dari bahasa Parsi, atau *Hikayat Inderapatera* dimiliki oleh seorang dayang-dayang dan disebut dalam teks *Hikayat Isma Yatim*.

Pendahuluan hikayat ini dimulai dengan puji-pujian bagi Allah, Tuhan Yang Maha Suci dan Yang Maha Tinggi serta memohon berkat syafaat Nabi Muhammad SAW. Namun pendahuluan kata *Hikayat Isma Yatim* tidak menyebut nama seseorang orang besar atau raja, seperti kata buku *Sejarah Melayu* menyebut nama seseorang orang besar atau raja yang menyebabkan pengarangnya bersungguh-sungguh menciptakan usahanya itu. Sebahagian daripada pendahuluan kata *Hikayat Isma Yatim* itu demikian bunyinya:

“Ketahui oleh kamu, ayohai segala saudaraku yang membaca hikayat ini, telah adalah faedah di dalamnya ...’ (Hikayat Isma Yatim, 1881; 7)

Sesuai yang perlu diketahui bahawa khazanah sastera hikayat bukanlah semata-mata terdiri daripada cerita-cerita berunsur hiburan tetapi juga membawa unsur berganda. Apa yang dimaksudkan di sini ialah terdapat beberapa buah hikayat yang mengemukakan satu-satu unsur seperti didaktik dan ketatanegaraan, kepahlawanan, keislaman dan sebagainya secara tersendiri di samping mengandungi unsur-unsur tersebut sama berat. Sebenarnya *Hikayat Isma Yatim* menghidangkan satu pembacaan cukup indah kerana kedua-dua unsur didaktik dan ketatanegaraan serta hiburan digemblengkan dengan kreatif oleh kepakaran dan kebijaksanaan pengarangnya. Hikayat ini dikategorikan di bawah genre kesusasteraan hikayat namun isi penceritaannya yang unik menyebabkan tidak tunduk kepada struktur kesusasteraan hikayat yang biasa (Siti Hawa Haji Saleh, 1987).

Ciri-ciri Pasangan Idaman dalam Hikayat Isma Yatim

Dalam Hikayat Isma Yatim, terdapat banyak nasihat yang diutarakan oleh watak Isma Yatim sama ada atas permintaan baginda Sultan atau atas faktor keperluan memberi nasihat dalam bentuk kiasan. Aspek perbincangan makalah ini ialah kepada dua perkara iaitu sikap lelaki yang disukai oleh seorang perempuan dan tingkahlaku perempuan yang disukai oleh seorang lelaki yang terkandung dalam Hikayat Isma Yatim.

Menurut kajian Puteri Amylia dan Suzana (2019), pemilihan pasangan hidup merupakan salah satu cara individu mencari dan memilih seseorang yang berlawanan jenis kelamin untuk dijadikan teman sepanjang hidup. Setiap individu memiliki kriteria laki-laki atau wanita idaman yang menjadi pilihan masing-masing yang kebiasaannya individu akan mencari kesempurnaan dalam memilih pasangan. Ini menunjukkan bahawa terdapat kriteria khusus bagi lelaki dan perempuan dalam preferensi pemilihan pasangan hidup. Salah satu contoh penelitian yang dilakukan oleh Buss (1986) menunjukkan bahawa lelaki lebih cenderung untuk memilih pasangan yang mempunyai daya tarakan fizikal. Ini berbeza dengan wanita yang memilih pasangan yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh serta telah bergelar graduan.

Bagi Isma Yatim dalam Hikayat Isma Yatim pula, perkara-perkara berikut perlu diberi perhatian khusus dalam memilih pasangan hidup.

i) **Sikap Lelaki Yang Disukai Oleh Perempuan.**

Peristiwa ini terjadi ketika watak Isma Yatim mengadap baginda Sultan. Dalam berbicara, baginda Sultan meminta agar Isma Yatim memberi nasihat dalam penghuraian lanjut berkaitan dengan hubungan antara lelaki dan perempuan. Inilah yang dinasihatkan oleh Isma Yatim dalam Hikayat Islam Yatim iaitu berkaitan dengan sikap lelaki yang disukai oleh perempuan. Dengan itu, Sultan meminta Isma Yatim memberi nasihat tentang perkara ini. Jawab Isma Yatim;

“Atas sepuluh perkara-perkara tuanku, kerana yang kesepuluh peroleh perempuan. Yang sepuluh itu perangai pancaindera yang membicarakan dijadikan Allah Subhanahuwa Taala. Pertama, hendaklah laki-laki itu menjadikan dirinya daripada laku yang keji-keji dan baik fiilnya dan barang lakunya pantas manusia dipandang oleh segala yang melihat dia dan barang yang dipakainya itu. Patut itulah tuanku laki-laki yang dikasihi oleh perempuan. Dan kedua, perkara pancaindera pencium. Apabila laki-laki mendengar segala perintah majlis ilmu dan hikmat dan barang sebagainya daripada arif dan bijaksana sekaliannya dipelajari supaya sempurna pekerjaannya. Itulah laki-laki yang dikasihi oleh perempuan. Dan keempat, perkara pancaindera daripada mulutnya. Yakni hendaklah laki-laki itu apabila malam ia bangun daripada tidurnya bersugi-sugi dan hendaklah laki-laki itu berkumur-kumur dan makan sirih dan barang katanya menyukakan hati perempuan dengan gurau sendanya terlalu amat manis. Itulah laki-laki yang dikasihi oleh perempuan. Dan kelima, perkara pancaindera daripada penjabat. Yakni hendaklah laki-laki itu dan apabila ia bergurau dan bersenda dengan isterinya barang yang dijabat semuanya memberi asyik kepada tubuh perempuan dan tiada jemu isterinya bergurau dan bersenda dengan dia. Itulah laki-laki yang dikasihi oleh perempuan.”

(Hikayat Isma Yatim, 1881: 134)

Berdasarkan kata-kata Isma Yatim di atas jelas menunjukkan bahawa terdapat sepuluh perkara tingkahlaku yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Namun, Isma Yatim dalam pernyataan Isma Yatim di atas hanya diterangkan hanya lima sahaja dengan ketiga tidak disebut. Lima perkara lagi tidak diuraikan lebih lanjut demi menjaga maruah seorang lelaki. Malah mengikut Isma Yatim, lima perkara lagi Baginda Sultan akan lebih mengetahui hal tersebut. Baginda Sultan tidak bertanya lanjut setelah mendengar jawapan Isma Yatim tersebut. Hanya lima daripada sepuluh perkara yang diberi penjelasan lanjut oleh Isma Yatim. Walaupun lima perkara sahaja akan tetapi perkara ketiga tidak dinyatakan. Terdapat lima perkara yang dinyatakan oleh Isma Yatim bagi memenuhi syarat lelaki yang disukai oleh perempuan.

Perkara pertama, seorang lelaki harus berkelakuan baik dengan menjaga tingkah laku termasuk perbuatan yang baik. Setiap wanita mengimpikan seorang suami yang bukan sahaja mencintainya dirinya malah mempunyai keperibadian yang tinggi. Dalam menjaga hubungan yang baik antara lelaki dan perempuan, ialah berkaitan dengan sikap dan akhlak yang perlu dijaga. Setiap seorang lelaki yang bergelar suami dan seorang perempuan bergelar isteri perlu menunaikan kewajibannya dengan cara adab pekerti, budi bahasa, perangai, tingkahlaku dan tertib, peraturan yang baik, lemah lembut dan halus (Muhammad Hashim Yunus, 2019). Seorang lelaki itu harus meninggalkan perbuatan yang tidak bermoral supaya tidak dipandang hina oleh masyarakat. Nilai-nilai penting bagi individu muslim merujuk kepada ciri-ciri atau sifat-sifat mulia yang perlu dimiliki oleh setiap individu.

Dalam Islam, ini lebih dikenali dengan istilah sahsiah atau akhlak. Sahsiah adalah berasal dari kata Arab iaitu shakhsiyyah yang bermaksud “sifat-sifat yang membezakan seseorang dengan yang lain.” Istilah sahsiah juga merujuk kepada akhlak. Perkataan akhlak juga berasal dari bahasa Arab iaitu khuluq. Khuluq bermaksud “keadaan jiwa yang kukuh, keluar daripadanya perbuatan-perbuatan sama ada baik atau buruk tanpa [seseorang itu perlu] memikirkannya [terlebih dahulu sebelum melakukan sesuatu perkara]”. Ini juga merujuk kepada al-khilqah iaitu fitrah (sifat semulajadi), tabiat, agama atau ringkasnya ialah gambaran batin seseorang (Mohd Hasrul Shuhari & Mohd Fauzi Hamat, 2015).

Perkara yang kedua ialah berkaitan dengan tuntutan ilmu. Sebagai seorang lelaki yang menjadi ketua keluarga harus mempunyai ilmu pengetahuan tentang kekeluargaan agar dapat membentuk keluarga bahagia. Seseorang suami perlu berusaha mendalami ilmu agama untuk menjadi ketua keluarga dihormati bagi menjalani bahtera kehidupan bersama isteri dan keluarga. Ilmu ini penting dalam pembinaan perhubungan ikatan kekeluargaan. Dengan ilmu, ketua keluarga boleh menangani masalah yang timbul dengan bijaksana. Suami bertanggungjawab melindungi rahsia kecacatan atau kekurangan isteri kepada orang lain dan suami wajar mengasihi keluarga isteri. Berkongsi rahsia merupakan terapi yang bagus yang boleh diamalkan antara suami dan isteri. Perkara ini dapat menunjukkan rasa cinta antara satu sama lain dan dapat mengukuhkan rasa percaya dan amanah antara satu sama lain. Apabila suami melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang ketua dalam institusi keluarga, dia berhak menerima layanan yang munasabah dan kasih sayang. Ini termasuklah zahir dan batin daripada isteri serta isteri menjaga maruah serta akhlak sama ada berada di hadapan ataupun di belakang suami (Ab. Aziz Mohd Zin et.al, 2014).

Ini termasuk ilmu berkaitan dengan tanggungjawab suami terhadap isteri. Misalnya ilmu tentang nafkah. Nafkah diwajibkan dengan sebab akad perkahwinan yang sah dan isteri patuh serta taat kepada suami walaupun belum berpindah ke rumah perkongsian hidup yang disediakan oleh suami. Nafkah adalah sebagai balasan kepada ketaatan isteri dan juga sebagai balasan kepada hak suami menghalang isteri keluar rumah untuk mencari nafkah (Muhd Fauzi

Muhamad, 2003). Selain itu, suami juga wajib memberi pendidikan kepada isteri dan keluarganya. Bukan sahaja dalam hal agama malah seluruh aspek kehidupan. Suami juga bertanggungjawab dalam menegur kesilapan isteri dan menasihatinya dengan cara yang berhemah (<http://www.wom.my/keluarga/semak-8-ciri-suami-mithali/#ixzz7PYDKdiqf>). Inilah ciri-ciri lelaki yang disukai oleh seorang perempuan.

Selain itu, perkara keempat ialah antara perkara yang disyaratkan ialah seorang lelaki itu perlu menjaga kebersihan diri. Kebersihan yang disebutkan ialah kebersihan mulut dengan cara bersuci, berkumur dan makan sirih. Menurut Bashir dan Masih (2018) pula, kebersihan adalah satu bahagian penting dalam kehidupan bagi menjalani gaya hidup sihat. Lantaran itu, kebersihan diri yang baik dapat mengelakkan diri daripada mudah dijangkiti penyakit yang tidak diingini. Kebersihan didefinisikan sebagai keadaan dan amalan yang membantu mengekalkan kesihatan dan mengelak daripada penyebaran penyakit. Kebersihan diri merupakan kunci kepada kesihatan mental dan fizikal setiap individu (Fathen Aishah Mohd Moktar & Zaharah Osman, 2020).

Selain itu, seorang lelaki harus juga menjaga tutur kata dalam berkomunikasi dengan pasangan masing-masing. Komunikasi yang baik akan dapat mengukuhkan ikatan hubungan suami isteri. Hal ini bertepatan dengan cara Allah SWT menciptakan manusia dari kalangan lelaki dan wanita dengan kurniaan fizikal, biologikal serta psikologikal berbeza peranan dalam aspek kehidupan untuk saling melengkapi.

“Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya-Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya-zuriat keturunan-lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-nyebut nama-Nya, serta peliharalah hubungan (silaturrahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu.”

(Surah an-Nisa' 4: 1).

Ini menunjukkan bahawa jantina lelaki dan wanita itu adalah ciptaan Allah SWT secara semulajadi untuk saling mengasihi dan dijadikan pasangan antara satu dengan yang lain (Norafifah binti Ab Hamid et.al. 2016).

Kelima adalah bergurau senda dalam perhubungan antara suami dan isteri yang mengembirakan hati kedua-dua pihak. A'tiyah Saqar (2005) menjelaskan bahawa pergaulan suami isteri yang baik menuntut agar suami memelihara kesucian dan nama baik isterinya dengan mengadakan perhubungan seksual. Maka antara tujuan utama perkahwinan di samping memperoleh keturunan ialah bekerjasama untuk mencapai kestabilan jiwa. Suami wajib melayani keperluan batin isteri (Mat Saad Abdul Rahman, 1993). Memberi nafkah batin kepada isteri adalah dikira sebagai ibadat kepada suami.

ii) **Tingkhalku Seorang Perempuan Yang Disukai oleh Laki-laki**

Dalam Hikayat Isma Yatim, adab wanita disampaikan melalui babak dialog antara dian, tanglung, kandil pelita, tirai, burung merak yang mewakili suara Isma Yatim. Babak tersebut berlaku di dalam bilik Tuan Puteri Ratna Kemala sewaktu baginda hampir sedang beradu, lantas terbangun apabila mendengar dialog watak-watak tersebut (Noriah Taslim, 2012).

Arakian maka dian pun berkata, “Hai tanglung, mengapa dualapan anak tuan hamba seorang pun belum berkahwin?”

Maka kata tanglung, “Hai dian, bukannya mudah orang bersuami itu kerana syarat perempuan itu enam perkara kerana enam huruf ada pada perempuan itu.”

“Pertama-tama, huruf pa. Ertinya patut perempuan dengan suaminya oleh kata suaminya. Itulah kata isterinya tiada lagi bersalahan.

Kedua, huruf ra. Ertinya rumah perempuan itu kepada suaminya dan kepada hamba dengan tegur spanya akan dipuji oleh suaminya.

Ketiga, huruf mim. Ertinya manis mukanya perempuan apabila dipandang oleh suaminya itu. Nescaya berahnya hatinya memandang muka isterinya jikalau ia masyghul sekali pun hilanglah.

Keempat, huruf pa. Ertinya fiil perempuan itu terlalu amat baik serta dengan budi bahasa berkenan suaminya dan segala handai taulannya.

Kelima, huruf wau. Ertinya sah barang kata yang keluar itu dari mulutnya perempuan ini dengan manisnya. Apabila suaminya mendengar suaranya nescaya suka hatinya sebab mendengar katanya itu. Keenam, huruf ha. Ertinya sentiasa perempuan itu menyukakan hati suaminya; sentiasa ia mencarikan dirinya dan rumahtangganya dan makanan suaminya. Jikalau anak raja mencarikan isi istana dan takhta kerajaannya. Itulah hurufnya tuan apabila diketahui oleh perempuan maka perempuanlah namanya

(Hikayat Isma Yatim, 1881;245)

Enam perkara yang disebutkan oleh Isma Yatim menjadi syarat untuk menjadi seorang perempuan yang disukai oleh laki-laki. Pertama ialah huruf pa yang bermaksud seorang perempuan yang sudah bersuami wajib mendengar dan mematuhi kata-kata serta perintah suami selagi tidak melanggar syariat. Ini dibuktikan dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

“Kaum lelaki itu adalah pemimpin bagi kaum wanita”

(Surah al-Nisa’: 34)

Menurut A’tiyah Saqar (2005), isteri wajib mentaati suami. Jika lelaki dibebani dengan tanggungjawab memberi nafkah atau rumah dan perlindungannya kemudian wanita mengabaikan ketaatannya, tidak menyambut seruannya dan tidak mengabulkan permintaannya akan menjadi penyebab kesusahan dan penderitaan orang yang berusaha membahagiakannya. Hal ini kerana suami adalah ketua dalam keluarga.

Tanggungjawab isteri terhadap suami ini dapat boleh digambarkan seperti pantun burung Merak ini;

Gudi-gudi berderang,

Tun Ali mematah cermai,

Duduk sedang berdiri sedang,

Elok di mata orang yang ramai.

(Hikayat Isma Yatim, 1881: 246)

Perkara yang kedua ialah berkaitan dengan huruf ra. Dalam kehidupan selepas berkahwin, seorang isteri harus menjalankan tanggungjawab menguruskan rumahtangga suaminya dengan baik. Isteri perlu menjaga tutur kata dan membina hubungan baik dengan jiran tetangga. Ini mengembirakan hati seorang suami. Hikmah pernikahan iaitu untuk suami hidup berkasih sayang dan memenuhi fitrah sebagai suami isteri. Isteri wajib menjaga perasaan suami sebagaimana suami wajib menjaga perasaan isteri. Oleh sebab tugas isteri dalam

melayani suami, maka Allah SWT mewajibkan para suami untuk memberi nafkah kepada isterinya mengikut kemampuan suaminya. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Kaum laki-laki itu adalah pemimpin bagi kaum wanita, oleh kerana Allah telah melebihkan sebahagian mereka (laki-laki) atas sebahagian yang lain (wanita), dan kerana mereka (laki-laki) telah menafkahkan sebahagian dari harta mereka.”

(Surah al-Nisa’: 34)

Syarat yang ketiga ialah huruf mim. Ini memberi maksud hati suami gembira apabila memandang wajah isteri yang ceria. Layanan yang baik dari isteri kepada suami boleh menghilangkan kepenatan suami bekerja. Bersikap romantik bukan sahaja memupuk ikatan cinta dan kasih sayang lebih intim antara isteri kepada suami malah dapat memberi ketenangan serta belaian jiwa sepanjang usia perkahwinan. Terdapat banyak hak suami yang perlu dilaksanakan oleh isteri. Contohnya firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan bergaullah dengan mereka secara patut.”

(Surah al-Nisa’: 34)

Selain itu, perkara yang keempat berkaitan dengan huruf pa. Ini berkaitan dengan seorang isteri bertanggungjawab untuk menjaga maruah suami. Terdapat dua kaedah untuk menjaga kemuliaan suami, pertama menjauhi kekejian iaitu zina dan yang kedua menjauhi pendahuluan-pendahuluannya (muqadimah zina) dan apa yang boleh menarik kepadanya. Isteri bertanggungjawab untuk menjaga kehormatan suami dan hartanya semasa ketiadaan suami. Isteri tidak boleh bergaul bebas (ikhtilat), mendedahkan aurat serta menjaga kemuliaan dan kehormatan suami. Selain itu, isteri tidak boleh bertabarruj melainkan untuk suami kerana perbuatan itu akan merangsangkan kaum lelaki hingga menimbulkan fitnah (Md Zawawi Abu Bakar & Wan Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah, 2008).

Seterusnya, seorang isteri harus menjaga nama baik suami dengan bersopan santun apabila berada di hadapan rakan taulan suami, keluarga dan masyarakat. Ini bererti seorang isteri harus menjaga akhlak dengan baik. Hal ini kerana akhlak seorang isteri boleh memberi gambaran kepada keperibadian seorang suami. Contohnya, seorang isteri tidak boleh membenarkan sesiapa masuk ke dalam rumahnya tanpa keizinan dan keredaan suaminya terutamanya semasa ketiadaan suami di rumah (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2014).

Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Wanita (isteri) solehah adalah yang taat lagi memelihara diri ketika suaminya tidak ada dikeranakan Allah telah memelihara mereka”

(Surah al-Nisa': 34).

Akhlak bermaksud tingkah laku seseorang yang menjadi tabiat dan merupakan satu gambaran bagi menunjukkan zahir dan batin seseorang kepada suatu situasi iaitu disposisi atau hal yang terjana dalam diri (al-nafs) seseorang manusia. Situasi tersebut merupakan dimensi rohaniah yang sangat penting kerana menjadi punca kepada semua perbuatan yang dilakukan manusia. Selain itu, akhlak juga merujuk personaliti iaitu keperibadian, tingkahlaku, perangai atau perwatakan seseorang yang terhasil daripada faktor dalaman dan luaran individu. Jasmani dan rohani yang secara umumnya memperihalkan sifat-sifat fizikal, emosi serta kognitif seseorang individu sehingga dapat menampilkan ciri-ciri keperibadian tersendiri yang boleh membezakannya daripada orang lain (Izzah Nur Aida Zur Raffar & Salasiah Hanin Hamjah, 2018).

Syarat kelima pula ialah huruf wau. Ini berkaitan dengan kesantunan dalam berbicara antara seorang isteri dengan seorang suami. Seorang isteri harus pandai menggunakan kata-kata yang lembut apabila bercakap dengan suami. Kesopanan dalam menuturkan kata-kata dapat mengharmonikan ikatan hubungan suami isteri. Wanita atau isteri mestilah menggunakan semua jalan untuk menarik kerediaan suami dan menjauhi kemarahannya. Isteri juga perlu berusaha menambahkan ilmu supaya setiap konflik rumah tangga dapat diselesaikan dengan aman dan sentosa (Nur Mohammad Hadi Zahalan, 18 Jun 2021).

Syarat yang terakhir iaitu keenam berkaitan dengan huruf ha. Huruf ha ini menjelaskan tentang seorang isteri yang berbudi pekerti baik akan sentiasa mengembirakan hati suaminya. Misalnya, Isteri perlu menjaga penampilan diri, berhias untuk suami serta memberi layanan yang baik terhadap suami. Islam menekankan tentang persamaan hak suami isteri berdasarkan fitrah masing-masing. Isteri perlu berhias untuk suami dan suami perlu berhias untuk isteri. Keelokkan budi pekerti seorang isteri diibaratkan seperti pantun di bawah;

Bukannya paras bahasa gilakan,
Lengkuk ditambah di pancur,
Bukannya muda sahaya gilakan,
Oleh budi hatiku hancur.

(Hikayat Isma Yatim, 1881: 247)

Selain itu, isteri harus sentiasa berusaha untuk menjadi seorang isteri solehah. Menurut Zulkifli Mohamad al-Bakri (2014: 58), ciri-ciri isteri solehah adalah seperti berikut;

- a) tidak membantah perintah suami selagi tidak bertentangan dengan syariat,
- b) tidak bermasam muka terhadap suami,
- c) sentiasa menuturkan kalimah yang baik-baik,
- d) tidak membebankan suami dengan permintaan di luar kemampuan suami,
- e) keluar rumah hanya dengan izin suami,
- f) berhias hanya untuk suami,
- g) menghargai pengorbanan suami,
- h) tidak membenarkan orang yang tidak diizinkan suami masuk ke dalam rumah,
- i) menerima tunjuk ajar daripada suami,
- j) menghormati mertua serta kaum keluarga suami,
- k) sentiasa berada dalam keadaan kemas dan bersih, dan
- l) menjadi penenang dan penyeri rumahtangga.

Malah disebut juga tanggungjawab seorang isteri ialah harus menjaga keperluan seorang suami termasuk menyediakan makan dan minum untuk suami. Jika sempurna melaksanakan keenam-enam syarat ini, maka telah menepati syarat sebagai seorang perempuan yang bergelar isteri. Keenam-enam syarat ini akan mengharmonikan kehidupan berumahtangga.

Kesimpulan

Ternyata perkara yang diutarakan oleh Isma Yatim kepada seorang lelaki dan perempuan dalam membina hidup bersama sangat berharga. Setiap ciri-ciri yang dibincangkan adalah demi kepentingan kedua-dua belah pihak. Perilaku yang elok bagi seorang lelaki itu penting kerana lelaki mempunyai tanggungjawab yang besar dalam membina sebuah keluarga. Lelaki yang menjadi ketua kepada seorang perempuan yang bergelar isteri. Lelaki hendaklah menjaga

tingkahlaku agar disenangi oleh isteri, keluarga isteri dan suami, dan termasuk juga rakan taulan. Seorang lelaki yang hendak berumahtangga harus mempunyai ilmu. Ilmu di sini bukan hanya sekadar ilmu rumahtangga akan tetapi mencakupi skop yang lebih luas. Dengan memiliki ilmu akan dapat menyelesaikan masalah dengan bijaksana, akan dapat mengemudi rumahtangga dengan harmoni dan akan dapat menjadi ketua keluarga yang berdedikasi. Inilah lelaki yang disukai oleh seorang perempuan. Manakala bagi seorang perempuan pula, bukan suatu yang mudah untuk memilih pasangan bagi mendirikan rumahtangga. Seorang perempuan itu harus memenuhi keenam-enam syarat yang dinyatakan agar dapat menjadi isteri solehah kepada seorang suami. Keenam-enam syarat itulah yang disukai oleh seorang lelaki kepada seorang perempuan. Jelas sekali kesemua perbincangan syarat ini adalah berkepentingan keharmonian dalam memilih pasangan menuju alam perkahwinan. Hal ini kerana sama ada seorang lelaki atau seorang perempuan mengharapkan mendapat pasangan yang terbaik untuk hidup sejahtera dalam gerbang perkahwinan. Ini bagi mengelakkan terjadinya perkara buruk seperti penceraian dalam hubungan suami isteri. Diharapkan ciri-ciri yang diutarakan dalam makalah ini dapat memberi pengajaran kepada pembaca hikayat ini.

Rujukan

Al-Quran Nul Karim Rasm Uthmani.

Buku

- A'tiyah Saqar. (Terj) Arifin Ladaripada. (2005). Hak-hak suami isteri. Kuala Lumpur: Jasmeen Enterprise.
- Ab. Aziz Mohd Zin. (2014). *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mat Saad Abdul Rahman. (1993). *Undang-undang keluarga Islam: Aturan perkahwinan suatu pendekatan berdasarkan amalan semasa*. Shah Alam: Hizbi.
- Muhammad Haji Salleh (Editor oleh) Zainal Abidin Borhan. (2017). *Hikayat Isma Yatim*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Muhammad Hashim Yunus. (2019). *Haqq-Haqq Laki Bini*. Kuala Lumpur: Akademi Jawi Malaysia.
- Muhd Fauzi Muhamad. (2003). *Pembentukan Keluarga*. Selangor: Synergymate Sdn. Bhd.
- Ricklefs M.C. dan Voorhoeve .P. (1977). *Indonesian Manuscripts in Great Britain: A Catalogue of Manuscripts in Indonesian Languages in British Public Collections*. London: Oxford University Press.
- Shellabear W.G. (1984). *Sejarah Melayu*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Siti Baroroh Baried et.al. (1985). *Pengantar Teori Filologi*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Siti Hawa Haji Saleh. (1987). *Cendekia Kesusasteraan Melayu Tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Hawa Haji Salleh. (2010). "Penilaian Filologi dalam Penyelenggaraan Teks: Syair Tantangan Singapura Abad Kesembilan Belas." Dlm Hashim Ismail (Ed.) *Tinta di Dada Naskhah: Melakar Jasa Dato' Dr Abu Hassan Sham*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Winstedt R.O. (1969). *A History of Classical Malay Literature*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. (2014). *Rumahku Syurgaku*. Negeri Sembilan: Pustaka Cahaya Kasturi.

Tesis

Ayu Nor Azilah Mohamad. (2003). "Hikayat Isma Yatim: Satu Kajian Teks." *Tesis Master Falsafah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Jurnal

Bashir, S., & Masih, S. (2018). School health services project on personal hygiene among school children of age 12–15 in underprivileged community in Karachi. *Biomedical Journal*, 1, 6.

Fathen Aishah Mohd Moktar & Zaharah Osman. (2020). Tahap Pengetahuan, Sikap Dan Amalan Kebersihan Diri Dalam Kalangan Kanak-Kanak Prasekolah Mengikut Perspektif Ibu Bapa. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, Vol. 9(2), 2020 (1-11) (ISSN 2289-3032 / eISSN 2550-178X) <https://ejournal.upsi.edu.my/journal/JPAK>.

Izzah Nur Aida Zur Raffar & Salasiah Hanin Hamjah. (2018). "Personaliti Bapa daripada Perspektif Islam" dalam *ISLÓMIYYÓT* 40(1) 2018: 61 – 69.

Md Zawawi Abu Bakar & Wan Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah. (2008). "Hak Suami Isteri dalam Perkahwinan Islam: Analisis menurut Fiqh" dalam *REKAYASA – Journal of Ethics, Legal and Governance* 35 Vol. 4, 2008 (35 - 52).

Mohd Hasrul Shuhari & Mohd Fauzi Hamat. (2015). "Nilai-Nilai Penting Individu Muslim Menurut Al-Ghazali." *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari Bil. 9 Januari 2015*.

Norafifah binti Ab Hamid et.al. (2016). "Gejala Transgender di Malaysia: Sorotan Awal Kajian dari Perspektif Islam dan Undang-Undang di Malaysia." *Jurnal Penyelidikan Islam Bil. 27/2015*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Puteri Amylia Binti Ulul Azmi & Suzana Mohd Hoesni. (2019). Gambaran Preferensi Pemilihan Pasangan Hidup Pada Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia dalam *An – Nafs: Jurnal Fakultas Psikologi* 2019, Vol. 13, No 2, 96-107.

Siti Hawa Haji Salleh. (1999). "Kesusasteraan Melayu Tradisional dan Peranan Filologi" dalam *Akademika* 54 (Januari) 1999:147-155.

Trie Utari Dewi. (2018). "Pembelajaran Filologi Sebagai Salah Satu Upaya dalam Mengungkap dan Membangun Karakter Suatu Bangsa" dalam *Jurnal Pendidikan Sejarah dan Riset Sosial Humaniora (KAGANGA)*, Volume 1, No 1, Juni 2018; 48-61.

Internet

https://ms.wikipedia.org/wiki/Hikayat_Asma_Yatim. Dirujuk pada 4 April 2022.

https://ms.wikipedia.org/wiki/Hikayat_Isma_Yatim. Dirujuk pada 4 April 2022.

Jelani Harun. "Manuskrip 'Panthong' dari Sri Lanka." Dalam <http://pantun.usm.my/makalah>. Sekretariat Pantun Antarabangsa, Universiti Sains Malaysia. Tarikh layari 11 Januari 2018.

Nur Mohammad Hadi Zahalan. (18 Jun 2021). Romantiknya Rasulullah... 6 contoh ini perlu diamalkan suami isteri termasuk mandi bersama demi kasih sayang. <https://www.mstar.com.my/xpose/ad-din/2021/06/18/romantiknya-rasulullah-6-contoh-ini-perlu-diamalkan-suami-isteri-termasuk-mandi-bersama-demi-kasih-sayang>. Dirujuk pada 6 April 2022.

Team WOW.my. (9 Mei 2016). 8 Ciri Suami Mithali Yang Dicari. <http://www.wom.my/keluarga/semak-8-ciri-suami-mithali/>. Dirujuk pada 3 April 2022.

Majalah

Noriah Taslim. (2012). “Syarat Perempuan yang Sempurna Mengikuti Hikayat Isma Yatim”
dalam *Dewan Sastera*. Februari 2012.